

Pelajar baru UPM bebas selepas semasa babi

SERDANG 29 Jun – Seramai 3,600 pelajar baru yang mendaftar bagi sesi akademik 2009/2010 di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini, disahkan bebas jangkitan selepas semasa babi atau influenza A (H1N1).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, pihaknya mewajibkan semua pelajar tersebut menjalani ujian saringan sepanjang pendaftaran pada Rabu dan semalam.

Menurutnya, langkah tersebut bagi mengelakkan penularan wabak berkenaan di UPM.

“Pihak kami menyahut saranan Kementerian Kesihatan yang meminta semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melakukan saringan virus itu terhadap semua pelajar baru yang mendaftar,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas Majlis Bersama Naib Canselor dan Ikrar Pelajar Baru Sesi Akademik

2009/2010 di Dewan Besar Pusat Kesenian dan Kebudayaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAS) di UPM, Serdang dekat sini hari ini.

Dalam pada itu, Nik Mustapha berkata, seorang pelajar yang dijangkiti H1N1 sebelum ini kini stabil selepas dikenakan kuarantin rumah sejak 22 Jun lalu.

Menurutnya, pelajar itu akan mendaftar esok dengan melaporkan diri di Pusat Kesihatan UPM.